



FOTO

Mesyuarat Majlis Pemulihan Negara (MPN) Ke-6

FOTO | 17 DISEMBER 2021



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan telah berkesempatan hadir ke Mesyuarat Majlis Pemulihan Negara (MPN) Ke-6 yang telah dipengerusikan oleh YB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Pengerusi MPN.



Topik utama bagi sesi tersebut ialah berkenaan kemunculan virus baharu Omicron yang sedang melanda dunia. Majlis berpandangan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia harus mempertingkatkan lagi kempen kesedaran ujian saringan COVID-19 sendiri dan mendapatkan suntikan dos penggalak, di samping memastikan kesiapsiagaan dan kapasiti perkhidmatan kesihatan awam.



Selain itu, berdasarkan makluman Jawatankuasa Tindakan Khas Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai isu aliran tunai dan pembiayaan PKS, ahli majlis berpandangan bahawa bantuan-bantuan kepada PKS perlu lebih bersasar dan mengutamakan sektor-sektor kritikal.



Mengenai isu kekurangan tenaga kerja pula, ahli majlis telah mengesyorkan agar pengambilan tenaga kerja asing diperluas kepada sektor selain daripada perladangan agar momentum pembukaan ekonomi dapat dicapai ke paras pra pandemik. Namun, turut disyorkan kepada Jawatankuasa Tindakan Khas PKS untuk mencari penyelesaian untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing bagi jangka masa panjang.



Bagi pihak Kementerian Kewangan, kerjasama dengan pelbagai pihak akan terus diperkuatkan lagi bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan #KeluargaMalaysia. Dengan usaha berterusan dan kerjasama rakyat dalam terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, kita semua akan mencapai kemenangan dan selamat

dari belenggu COVID-19.

[Tengku Zafrul](#)

 [Siaran Media](#)

 [Bajet 2023](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[LAKSANA REPORT](#)

[BAJET 2023](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[LAPORAN KEWANGAN RAKYAT](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[PEMERKASAAN PERNIAGAAN](#)

[HARGA MINYAK](#)

[KERTAS KONSULTASI AWAM](#)

[TENGGU ZAFRUL](#)

[UNITY GOVERNMENT](#)

[BAJET 2022](#)

Arkib Foto

[Seterusnya →](#)